

Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata demikian ketika bertemu dengan 59 staf yang sedang melanjutkan pengajian di United Kingdom, Ahad lalu bertempat di di Waterloo Center, Manchester United Kingdom.

Katanya lagi, kejayaan staf memperolehi PhD ini adalah penentu kejayaan UUM untuk mencapai status Universiti Penyelidikan menjelang tahun 2013.

Pertemuan dengan staf UUM yang sedang menyambung pengajian PhD di sini adalah bersempena dengan lawatan kerja oleh Naib Canselor dan delegasi UUM ke United Kingdom.

Selain itu, delegasi UUM turut mengadakan beberapa program lain antaranya menandatangani MoU dengan University of Leeds dan menganjurkan Persidangan Bersama Malaysian Postgraduate Association di Manchester serta mengadakan kunjungan akademik ke University of York.

Menurut Dr Mohamed Mustafa lagi, UUM perlu memenuhi sasaran pensyarah yang berkecukupan Ph.D seramai 75 peratus daripada keseluruhan tenaga akademik di universiti ini.

UUM berhasrat menjadi Universiti Penyelidikan dalam bidang Sains Sosial menjelang tahun 2013 selain mendapat status Malaysian Top Business School (MTSB) pada tahun 2011 dan pengiktirafan AACSB pada tahun 2012 serta beberapa akreditasi yang lain seperti AMBA dan EQUIS.

Jelas beliau, akreditasi ini amat penting dan boleh dianggap sebagai satu jihad untuk mengangkat martabat UUM supaya dapat berdiri sama gagah dengan Universiti terkemuka di dunia.

Oleh itu, katanya lagi, semua staf UUM termasuk mereka yang sedang melanjutkan pengajian mempunyai peranan masing-masing untuk mencapai hasrat tersebut.

Tambah beliau lagi, kerajaan membelanjakan peruntukan yang amat besar untuk menghantar staf melanjutkan pengajian terutamanya di United Kingdom. Secara purata sebanyak RM500 ribu dibelanjakan untuk setiap seorang staf belajar di United Kingdom dan ini tidak termasuk gaji dan elaun tetap yang lain.

Untuk memastikan pelaburan kerajaan mencapai sasaran, Dr Mohamed Mustafa berkata pengurusan UUM sentiasa memberi perhatian yang serius dengan meningkatkan usaha memantau kemajuan pengajian staf yang sedang melanjutkan pengajian di semua tempat sama ada di dalam negeri malah di luar negara.

Melalui pertemuan tersebut, Universiti mendapat gambaran yang jelas tentang prestasi pengajian mereka dan boleh memberikan nasihat serta motivasi untuk mereka berjaya serta dapat menjelaskan pelbagai persoalan yang dihadapi oleh mereka.

Dr Mohamed Mustafa berkata, pengurusan UUM akan memastikan kebajikan staf yang melanjutkan pengajian sentiasa diberi perhatian.

"Apa yang penting ialah setiap mereka mesti ada komitmen untuk mencapai matlamat mendapat Ijazah Ph.D mereka dalam tempoh yang ditetapkan," katanya.

Majlis yang julung kali diadakan ini mendapat sambutan yang sangat baik. Kehadiran hampir 100 peratus staf UUM yang sedang mengikuti pengajian dari serata pelusuk United Kingdom menunjukkan satu mesej yang jelas tentang komitmen dan kesungguhan mereka untuk melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Universiti kepada mereka.

Salah seorang staf UUM COLGIS, Fazilah Mohd Othman, yang sedang menyambung pengajian di University of Nottingham berkata program yang dianjurkan ini amat bermakna kepada mereka yang sedang berada di perantauan kerana dapat berkumpul selain mendengar amanat yang disampaikan oleh Naib Canselor sendiri.

Tambahnya lagi program ini akan memberikan maklumat yang lebih tepat dan benar kerana staf terbabit tinggal berjauhan dengan UUM.

Menurut Nik Adzrieman Abdul Rahman, staf akademik dari UUM CAS yang sedang melanjutkan pengajian di University of Hull pula berkata, pertemuan ini dapat memberi peluang kepada beliau dan rakan-rakan bertemu dengan Naib Canselor.

"Sedikit sebanyak dapat menaikkan semangat dan motivasi kepada kami untuk berusaha dengan lebih gigih lagi bagi mendapatkan Ijazah PhD," katanya.

Selain itu, juga pertemuan ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara staf UUM yang berada di United Kingdom dan juga pihak pentadbiran universiti.

Turut serta dalam program ini ialah Prof Dr Noor Azizi Ismail, Dekan Othman Yoep Abdullah Graduate School of Business, Prof Madya Dr Abdul Malek Abd Karim, Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences dan Mohd Anizam Ariffin, Bendahari Kanan.